

## **Analisis Homofon, Homonim dan Homograf dalam Dialek Melayu Kelantan dan Bahasa Jepun dengan Menggunakan Analisis Kontrastif**

### *Analysis of Homophones, Homonyms, and Homographs in the Kelantan Malay Dialect and Japanese Language Using Contrastive Analysis*

Ahmad Mukhlis Zanala Abidin  
<sup>1</sup>Normalis Amzah

Program Linguistik  
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence email: <sup>1</sup>normalis@ukm.edu.my

#### **ABSTRAK**

*Kelantan Darul Naim merupakan sebuah negeri yang kaya dengan bahasanya. Manakala bahasa Jepun merupakan bahasa yang sangat unik. Pengkaji memilih dialek Melayu Kelantan (DMK) dan bahasa Jepun (BJ) untuk dibuat perbandingan dialektologi daripada sudut semantik. Bagi meneruskan usaha kajian berkaitan dialektologi khususnya DMK, pengkaji mengambil langkah alternatif dengan memberi fokus kepada analisis kontrastif antara DMK dan BJ supaya kajian ini dapat dikembangkan. Kajian menyenaraikan persamaan antara DMK dan BJ dengan menggunakan analisis kontrastif, menyenaraikan perkataan yang boleh digolongkan sebagai homonim, homofon dan homograf. Seterusnya pengkaji menganalisis makna perkataan yang tergolong sebagai homonim, homofon dan homograf tersebut di antara DMK dengan BJ dalam kalangan pelajar penutur natif DMK di UKM. Kajian ini menggunakan kajian lapangan dengan melakukan soal selidik dan temubual. Responden yang terlibat merupakan 3 orang penutur natif DMK yang pernah menetap di negara Jepun. Data kemudiannya disaring, ditranskripsi dan seterusnya dianalisis menggunakan pendekatan analisis kontrastif. Selain itu, borang soal selidik diedarkan kepada 20 orang penutur natif DMK yang mempelajari BJ untuk membuktikan fenomena ini antara DMK dan BJ. Dapatan kajian menunjukkan bahawa DMK dan BJ mempunyai banyak persamaan daripada segi suku kata, sebutan dan terdiri daripada dua atau tiga suku kata. Kesimpulannya, persamaan yang wujud di antara DMK dan BJ menimbulkan fenomena tersebut. Hal ini dapat dibuktikan menerusi analisis kontrastif iaitu kajian perbandingan tentang dua bahasa atau lebih yang menitik beratkan pada ketidaksamaan namun tidak menafikan persamaannya. Implikasi fenomena ini terdiri daripada kesan positif dan negatif pengaruh bahasa pertama pelajar dalam proses mereka mempelajari bahasa asing iaitu BJ.*

**Kata kunci:** *dialek Melayu Kelantan, Bahasa Jepun, homofon, homonim, homograf*

#### **ABSTRACT**

*The Kelantan Malay dialect (KMD) and Japanese language (JP) were selected for a semantic dialectological comparison in this study, given the rich cultural and linguistic aspects of Kelantan Darul Naim and the uniqueness of the Japanese language. To further explore dialectology, specifically KMD, the researcher has taken an alternative approach by focusing on contrastive analysis between KMD and JP. The study lists the similarities between KMD and JP through*

*contrastive analysis and identifies words that can be classified as homonyms, homophones, and homographs. Then, analyse the meanings of these words between KMD and JP among native KMD-speaking students at UKM. The study involved field research, including surveys and interviews, with three native KMD speakers who had experience living in Japan. The collected data underwent filtering, transcription, and analysis using a contrastive analysis approach. Subsequently, survey forms were distributed to 20 native KMD speakers who were studying JP to verify the occurrence of homophones, homonyms, and homograph phenomena. The study's findings reveal significant similarities between KMD and JP in terms of syllables and pronunciation, with both consisting of two or three syllables. Consequently, commonalities between KMD and JP lead to the presence of homophones, homonyms, and homographs in both languages. This can be supported through contrastive analysis, which is a comparative study of two or more languages that focuses on differences or dissimilarities between them while not denying their similarities. Its implications involve positive and negative effects on students' first language influence when learning a foreign language, specifically Japanese.*

**Keywords:** Kelantan Malay dialect, Japanese language, homophones, homonyms, homographs.

## 1. Pengenalan

Kelantan Darul Naim merupakan sebuah negeri yang terdapat di dalam Malaysia yang kaya dengan budaya, khazanah alam dan bahasanya. Keunikan dan kepelbagaian bahasa tempatan negeri Kelantan ini telah menarik minat para ahli linguistik untuk mengkajinya. Manakala bahasa Jepun merupakan bahasa yang sangat unik dalam pelbagai aspek. Dalam kajian ini, pengkaji memilih dialek Melayu Kelantan dan bahasa Jepun untuk dibuat perbandingan daripada sudut semantik kedua-dua bahasa tersebut.

Melalui pemerhatian pengkaji, dialek Melayu Kelantan dan bahasa Jepun mempunyai persamaan iaitu suku kata terbuka di hujung kata, kecuali perkataan yang akhiri dengan bunyi [N], mempunyai vokal /a/, /i/, /u/, /e/, /o/ dan beberapa konsonan diikuti vokal tersebut dalam suku kata terbuka. Sehubungan dengan itu, perkara yang ingin ditekankan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah terdapatnya fenomena homonim, homofon dan homograf dalam beberapa perkataan bahasa Jepun yang sama ejaan atau bunyi dalam dialek Melayu Kelantan tetapi mempunyai makna yang berbeza. Hal ini dikatakan demikian kerana, kebanyakan struktur perkataan bahasa Jepun mempunyai persamaan dengan dialek Melayu Kelantan daripada sudut fonetik yang tersebut di atas. Kajian ini dilaksanakan untuk melihat bagaimana persamaan ini mempengaruhi proses pembelajaran bahasa tersebut. Hal ini menyebabkan pengkaji berpendapat bahawa wujudnya fenomena pengaruh bahasa pertama penutur natif dalam mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing.

Kajian analisis kontrasif sebelum ini melihat pasangan bahasa dengan satu lagi bahasa yang lain. Tidak banyak kajian yang melihat persamaan antara satu bahasa dengan satu dialek bahasa lain. Dialek merupakan kepelbagaian bahasa tempatan. Maksud dialek ini juga telah diberi penjelasan oleh Abdul Hamid Mahmood (1994) yang dirujuk daripada Mario A. Pei dan Frank Gaynor (1954) sebagai variasi atau kelainan bahasa daripada satu bahasa tertentu yang dituturkan oleh sekumpulan penutur dalam sesuatu kawasan. Sehubungan dengan itu, kajian mengenai dialek-dialek ini umumnya dikenali sebagai dialektologi. Dialektologi merupakan satu cabang ilmu linguistik yang meneliti tentang perbezaan cara sebutan, penggunaan tatabahasa dan kosa kata serta penyebarannya mengikut kawasan menurut Ajid Che Kob (2002). Namun demikian, aspek yang sering diteliti secara holistik dalam kajian dialek ini oleh kebanyakan pengkaji terdahulu ialah fonologi. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, fonologi didefinisikan sebagai kajian mengenai bunyi sebutan dalam sesuatu bahasa manakala menurut Harimurti Kridalaksana (1985), beliau menyatakan

bahawa fonologi merupakan bidang linguistik yang mengkaji bunyi-bunyi bahasa mengikut fungsinya. Bagi meneruskan usaha penerokaan kajian berkaitan dialektologi khususnya dialek Kelantan, pengkaji telah mengambil langkah alternatif dengan memberi fokus kepada analisis kontrastif antara dialek Melayu Kelantan dan bahasa Jepun supaya kajian dialektologi dapat dikembangkan lagi.

Berdasarkan semakan, ditemui beberapa kajian lepas yang mengkaji berkaitan dengan perbandingan antara dua bahasa asing. Misalnya Kajian yang dibuat Eva D. Poort & M. Rodd pada tahun 2022 iaitu "*Cross-lingual priming of cognates and interlingual homographs from L2 to L1*". Kajian ini menerangkan berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh seseorang yang mampu untuk menuturkan lebih daripada satu bahasa atau dwibahasa. Melalui pembacaan pengkaji ini, pengaruh bahasa pertama penutur natif dalam mempelajari bahasa kedua atau juga disebut sebagai bahasa asing amat memainkan peranan dalam proses pembelajaran berikut.

Berdasarkan pernyataan masalah yang dinyatakan di atas, isu pengaruh bahasa pertama penutur natif dalam mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing adalah penting untuk dikaji. Oleh sebab itu, bagi memahami bagaimana fenomena homofon, homonim dan homograf menjadi faktor yang menyebabkan isu ini wujud di Universiti Kebangsaan Malaysia, beberapa objektif kajian telah ditetapkan iaitu menyenaraikan persamaan antara dialek Melayu Kelantan dan bahasa Jepun dengan menggunakan analisis kontrastif, menyenaraikan perkataan yang boleh digolongkan sebagai homonim, homofon dan homograf antara bahasa Jepun dan dialek Melayu Kelantan dan menganalisis makna perkataan yang tergolong sebagai homonim, homofon dan homograf di antara dialek Melayu Kelantan dengan bahasa Jepun dalam kalangan pelajar penutur natif dialek Melayu Kelantan di UKM.

## 2. Tinjauan Literatur

Bahagian ini membincangkan kajian-kajian lepas yang digunakan oleh pengkaji sebagai rujukan dalam menghasilkan kajian ini. Berdasarkan semakan, ditemui beberapa kajian lepas yang memberi tumpuan terhadap ciri-ciri yang terdapat dalam dialek Melayu Kelantan dan bahasa Jepun. Pengkaji memilih kajian lepas berdasarkan tema yang merangkumi keistimewaan atau kelemahan yang terdapat dalam dialek Melayu Kelantan dan bahasa Jepun. Pengkaji juga menilai tinjauan- tinjauan kajian terdahulu mengenai tema serta metodologi yang digunakan kajian dalam dan luar negara. Dalam kajian ini juga pengkaji telah mengambil kira dan membuat pembacaan lanjut berkaitan kajian-kajian lepas yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Kajian mengenai teori-teori yang mempunyai perkaitan dengan tema yang ingin dikaji oleh pengkaji turut diambil kira. Selain itu, pengkaji menumpukan kajian yang membandingkan dua bahasa yang berbeza dan menilai persamaan atau perbezaan di antara dua bahasa berikut. Kajian-kajian lepas ini juga diambil untuk dijadikan sebagai contoh dalam usaha untuk menambah baik dan menghasilkan kajian yang lebih mendalam. Di samping itu, kajian lepas ini banyak membantu pengkaji dalam membuat analisis untuk mengenalpasti homofon, homonim dan homograf yang terdapat di antara dialek Melayu Kelantan dan bahasa Jepun.

Berdasarkan kajian-kajian lepas dalam dan luar negara. Kajian berkaitan dialek Melayu Kelantan dan bahasa Jepun di atas diambil oleh pengkaji sebagai rujukan dalam menjalankan kajian ini. Pengkaji mendapati selepas membandingkan setiap analisis yang terdapat dalam kajian-kajian tersebut menunjukkan bahawa dialek Melayu Kelantan ini mempunyai persamaan yang amat ketara dengan bahasa Jepun. Untuk menunjukkan persamaan ini, pengkaji mengambil dua kajian tentang bahasa Jepun dan dialek Melayu Kelantan. Sehubungan dengan itu, persamaan ini dapat dilihat daripada senarai kata dialek Melayu Kelantan yang terdapat dalam kajian oleh Nur Faten Shahirah Mohd Razali et.al

(2019) iaitu Penelitian Dini Dialek Melayu Kelantan (Subdialek Pasir Mas, Kelantan): Fonem Vokal. Secara ringkasnya, berdasarkan huraian di atas kajian ini menunjukkan kebanyakan perkataan dialek Melayu Kelantan ini bersifat suku kata terbuka dan terdiri daripada dua atau tiga suku kata sahaja. Tambahan pula, fonem vokal [i, e, ə, a, o, u] dan vokal terbitan [ɔ] bukan setakat sahaja digunakan dalam dialek ini malah bahasa Jepun turut menggunakannya. Kajian yang dibandingkan dalam melihat persamaan antara dialek Melayu Kelantan dan bahasa asing ini adalah kajian Irma Winingsih (2010) iaitu Analisis Sistem Fonologi Kosa Kata Benda Bahasa Jepang. Menurut kajian ini, bahasa Jepun dikenali sebagai bahasa yang sangat kaya dengan huruf tetapi hanya memiliki lima vokal sahaja iaitu /a/, /i/, /u/, /e/, /o/ dan beberapa konsonan diikuti vokal tersebut dalam suku kata terbuka. Tambahan pula, bahasa Jepun tidak mempunyai suku kata tertutup atau perkataan yang diakhiri dengan konsonan kecuali bunyi [N]. Melalui persamaan ini, pengkaji berpendapat bahawa kebanyakan perkataan-perkataan dialek Melayu Kelantan ini telah wujud dalam bahasa Jepun. Hal ini dikatakan demikian kerana dialek Melayu Kelantan dan bahasa Jepun mempunyai banyak persamaan daripada segi suku kata, sebutan dan juga terdiri daripada dua atau tiga suku kata. Secara kesimpulannya, persamaan yang wujud daripada di antara dialek Melayu Kelantan dan bahasa Jepun ini dapat menimbulkan fenomena homofon, homonim dan homograf. Oleh hal yang demikian, analisis kontrastif boleh dijalankan dalam mengkaji fenomena dengan lebih mendalam.

Selain itu, kajian-kajian yang berkaitan fenomena homofon, homonim dan homograf juga dijadikan rujukan buat pengkaji. Dalam memahami fenomena homofon pengkaji mengambil rujukan daripada kajian yang ditulis oleh Ibrahim Talaat Ibrahim 2021 iaitu “The Study of the Phenomenon of Homophone Between English and Kurdish Languages: A Comparative Study”. Menurut Lovinger (2000) homofon, perkataan yang dieja berbeza tetapi sebutan sama. Secara ringkasnya, homofon merupakan perkataan yang mempunyai makna yang berbeza, ejaan yang berbeza tetapi sebutan yang sama. Kajian ini menganalisis fenomena homofon di antara dua bahasa asing tidak mempunyai perkaitan langsung iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Kurdish. Dalam mengenal pasti kewujudan fenomena ini, pengkaji terdahulu telah menemukan 20 perkataan bahasa Inggeris yang mempunyai sebutan yang sama dengan 20 perkataan bahasa Kurdish. Kemudian, perkataan-perkataan ini dianalisis dalam membuktikan perkaitan antara dua bahasa yang berlainan rumpun ini. Oleh hal yang demikian, hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa fenomena ini sememangnya wujud walaupun kedua bahasa Asing. Sebagai contoh, perkataan (بون) dalam bahasa Kurdish yang bermaksud minyak wangi sama sebutannya dengan perkataan (Bone) dalam bahasa Inggeris. Melalui pembacaan pengkaji terhadap kajian ini. Kajian lepas ini amatlah bersesuaian dengan tajuk yang dipilih oleh pengkaji iaitu analisis homofon, homonim dan homograf dalam dialek Melayu Kelantan dengan bahasa Jepun. Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian ini banyak menekankan fenomena homofon yang terdapat di antara bahasa Inggeris dengan bahasa Kurdish. Tambahan pula, dalam kajian juga menunjukkan contoh-contoh perbandingan homofon dan kaedah yang digunakan di antara dua bahasa tersebut. Secara ringkasnya, kajian ini membuktikan bahawa analisis homofon terhadap dua bahasa yang tidak serumpun juga masih lagi mempunyai persamaan boleh dilakukan dalam menilai aspek tertentu. Dialek Melayu Kelantan dan bahasa Jepun secara umumnya tidak mempunyai hubungan sama sekali. Namun begitu, melalui kajian ini pengkaji terdahulu menunjukkan kajian secara analisis masih lagi boleh dijalankan. Kemudian, kajian dapat diperkembangkan bukan sahaja daripada segi homofon malah homonim dan homograf. Oleh hal yang demikian, pengkaji dapat mengambil inspirasi daripada kajian ini untuk melaksanakan analisis kontrastif fenomena homofon, homonim dan homograf antara dialek Melayu Kelantan dengan Bahasa Jepun di kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia penutur dialek Melayu Kelantan.

Di samping itu, dalam mengetahui lebih mendalam berkaitan dengan fenomena homograf pula, pengkaji telah mengambil artikel yang ditulis oleh Eva D. Poort & M. Rodd (2022) iaitu “Cross-lingual priming of cognates and interlingual homographs from L2 to L1”. Kajian ini menerangkan berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh seseorang yang mampu untuk menuturkan lebih daripada satu bahasa atau dwibahasa. Kajian ini lebih memfokuskan mengenai homograf iaitu menurut Lovinger (2000) merupakan perkataan yang dieja sama tetapi sebutan berbeza. Melalui hasil dapatan kajian lepas ini, wujudnya kesan gangguan pengaruh fenomena homograf ini terhadap para peserta. Keupayaan peserta untuk menuturkan perkataan bahasa asing dengan lebih lancar menjadi terhalang dengan wujudnya fenomena homograf ini. Secara ringkasnya, melalui kajian ini pengkaji dapat mengambil contoh prosedur-prosedur pengkaji lepas dalam mengkaji fenomena homograf ini dan menginovasikan dalam menganalisis homofon, homonim dan homograf dalam dialek Melayu Kelantan dan bahasa Jepun dengan menggunakan Analisis Kontrastif di kalangan pelajar penutur dialek Melayu Kelantan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kajian berkaitan homonim yang diambil sebagai rujukan pula adalah Homonim Antara Dialek Melayu Sarawak Dan Bahasa Melanau oleh Dayang Sariah Abang Suhai & Mary Fatimah Haji Subet (2012). Kajian ini membincangkan perbandingan antara bahasa Melanau dan Dialek Melayu Sarawak. Terutamanya perbandingan kosa kata dalam DMS dengan Bmel. Pengkaji mendakwa bahawa kebanyakan penutur Bmel boleh bertutur atau menggunakan dalam DMS sebagai bahasa perantara dengan penutur Melayu yang tak mampu untuk berbahasa Melanau. Hal ini dikatakan demikian kerana wujudnya fenomena homonim dalam bidang semantik. Dalam bidang linguistik, menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2016) homonim merujuk kepada perkataan yang sama bunyi atau sama ejaannya dengan perkataan lain tetapi berbeza maknanya. Selain itu, menurut Lovinger (2000) homonim merujuk kepada perkataan yang dieja dan sebutan sama. Misalnya perkataan *bear*, haiwan; dan *bear*, merujuk kepada perbuatan iaitu membawa atau tahan. Oleh hal yang demikian, homonim ini merupakan dua perkataan yang sama ejaan dan sebutan tetapi mempunyai makna yang berlainan. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan untuk melihat kosa kata yang sama ejaan dan sama sebutan dalam bahasa Melanau dan mempunyai persamaan dan juga perbezaan makna dalam DMS. Oleh hal yang demikian, pengkaji berpendapat kajian ini boleh dijadikan sebagai titik tolak dalam kajian untuk menunjukkan wujudnya fenomena homofon di antara dialek Melayu Kelantan dan bahasa Jepun. Tambahan pula, metodologi yang digunakan pengkaji lepas ini juga boleh diambil sebagai ilham dalam menunjukkan persamaan sebutan dan ejaan serta perbezaan makna di antara dua kosa kata ini.

Ketiga-ketiga kajian lepas di atas yang menyentuh berkaitan dengan fenomena homofon, homonim dan homograf dapat diaplikasikan oleh pengkaji dalam menganalisis fenomena homofon, homonim dan homograf dalam Dialek Melayu Kelantan dan bahasa Jepun dengan menggunakan analisis kontrastif di kalangan pelajar penutur DMK di Universiti Kebangsaan Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut kajian-kajian lepas fenomena homofon, homonim dan homograf ini jelas mempunyai pengaruh dalam proses pembelajaran bahasa asing mahupun kehidupan seharian mereka secara positif ataupun negatif. Sehubungan dengan itu, pengkaji ingin untuk mengaitkan masalah yang dihadapi oleh pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam mempelajari bahasa Jepun dengan fenomena homofon, homonim dan homograf ini. Pengkaji berpendapat akibat kewujudan fenomena ini, terdapat pelajar yang cepat untuk belajar bahasa Jepun daripada pelajar lain iaitu pelajar yang merupakan penutur natif dialek Melayu Kelantan. Hal ini menimbulkan rasa tanya kepada pengkaji, untuk menjalankan kajian di antara dialek Melayu dan bahasa asing ini. Oleh hal yang demikian, kajian-kajian lepas ini sangat wajar untuk dijadikan sebagai rujukan dalam analisis yang ingin dijalankan oleh pengkaji.

Seterusnya, jurnal yang diterbitkan oleh Misdawati pada 2019 iaitu ‘Analisis Kontrastif dalam Pembelajaran Bahasa’ juga diambil sebagai rujukan buat pengkaji. Kajian ini meneliti dan membahas tentang analisis kontrastif dengan lebih mendalam. Analisis kontrastif atau linguistik kontrastif merupakan suatu kajian perbandingan tentang dua bahasa atau lebih yang menitik beratkan pada perbezaan atau ketidaksamaan namun tidak menafikan persamaanya. Jurnal ini juga banyak menjelaskan berkaitan dengan linguistik kontrasif. Analisis Kontrastif secara ringkasnya merupakan satu metode untuk menjelaskan masalah yang wujud dalam penutur yang mempelajari bahasa asing. Kaedah ini tidak dijalankan secara menyeluruh tetapi menyentuh aspek yang ingin ditekankan oleh para pengkaji. Sebagai contoh, pengkaji memilih dan menentukan unsur daripada kategori dan sub sistem tertentu untuk membuat perbandingan. Menurut Dr. Robert Lado manfaat yang diperoleh oleh Analisis Kontrastif dalam proses pembelajaran bahasa asing adalah penting dalam persiapan bahan mengajar para pendidik. Tambahan pula, kajian ini menerangkan perbezaan antara analisis kontrastif dan analisis komparatif. Sehubungan dengan itu, perbezaan antara dua analisis ini adalah terletak pada asal usul bahasa itu sendiri. Sebagai contoh, jika bahasa tersebut berasal daripada rumpun yang sama bermakna analisis tersebut merupakan analisis komparatif iaitu bersifat diakronik. Manakala, Analisis Kontrastif bersifat sinkronik dengan menggunakan data yang membandingkan dua bahasa dengan mengidentifikasikan segi-segi perbezaan dan persamaan kedua bahasa berikut. Oleh hal yang demikian, pengkaji mendapati bahawa Analisis Kontrastif amatlah sesuai untuk digunakan dalam menyelesaikan masalah yang wujud akibat pengaruh penutur dialek Melayu Kelantan semasa pembelajaran bahasa Jepun. Bukan setakat itu sahaja, melalui Analisis Kontrastif ini, pengkaji akan dapat mengetahui dengan mendalam tentang faktor yang menyebabkan kewujudan perbezaan antara pelajar penutur natif dialek Melayu Kelantan di Universiti Kebangsaan Malaysia dan pelajar biasa dalam mempelajari bahasa Jepun. Secara ringkasnya, analisis ini akan menunjukkan bagaimana fenomena homofon, homonim dan homograf memainkan peranan dalam kewujudan permasalahan kajian ini.

### **3. Metodologi dan Kawasan Kajian**

Metodologi kajian ini dijalankan selepas pengkaji mendapatkan kelulusan bidang dan tajuk kajian yang dipilih daripada pihak Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan melalui pensyarah yang bertanggungjawab dalam membantu pengkaji menyiapkan kajian ini. Setelah mendapatkan kelulusan, pengkaji mendapatkan kebenaran responden-responden penutur natif dialek Melayu Kelantan yang mengambil subjek bahasa Jepun di Universiti Kebangsaan Malaysia. Jadual janji temu telah diberikan kepada responden untuk memastikan proses pengumpulan data berjalan secara lancar. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam memastikan data yang dikumpulkan adalah bersesuaian dengan objektif kajian. Pengkaji telah memaklumkan kepada responden yang terlibat bahawa setiap data yang diperoleh melalui kaedah temu bual dan borang soal selidik ini akan dirakam ditranskripsi, dianalisis dan ditafsir oleh pengkaji. Selain itu, para responden ini tidak diberitahu mengenai objektif kajian ini iaitu menyenaraikan perkataan yang boleh digolongkan sebagai homonim, homofon dan homograf antara bahasa Jepun dan dialek Melayu Kelantan. Namun begitu, objektif kajian diberitahu kepada responden setelah selesai mengumpulkan data-data yang diperlukan melalui prosedur ini.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) adalah sebuah universiti penyelidikan awam Malaysia yang terletak di Bandar Baru Bangi, Hulu Langat, Selangor. Sehubungan dengan itu, Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang terletak di Shah Alam, Selangor. Kawasan kajian ini dipilih kerana responden yang dipilih oleh pengkaji merupakan pelajar daripada universiti tersebut. Hal ini menyebabkan, pengkaji berpendapat persampelan dapat dilakukan dengan

lebih efektif kerana objektif kajian ini adalah untuk melihat pengaruh fenomena homofon, homonim dan homograf di antara bahasa Jepun dan dialek Melayu Kelantan dalam proses pembelajaran bahasa asing. Pengkaji mengutip sampel perbualan daripada 3 responden untuk di analisis dalam kajian ini. Jenis sampel yang dipilih oleh pengkaji adalah berdasarkan kriteria tertentu.

### **3.1 Tata Cara Pengumpulan Data**

Pengkaji akan menjalankan prosedur temu bual kepada 3 orang responden. Temu bual ini dijalankan adalah untuk membantu pengkaji dalam mencapai objektif ketiga kajian iaitu menyenaraikan perkataan yang boleh digolongkan sebagai homonim, homofon dan homograf antara bahasa Jepun dan dialek Kelantan. Oleh hal yang demikian, prosedur temu bual haruslah dilaksanakan untuk mendapatkan data. Pengkaji telah menemu ramah penutur natif bahasa Jepun berkaitan kesamaan yang wujud di antara dialek Melayu Kelantan dengan bahasa Jepun. Melalui temu bual ini, pengkaji mendapati wujudnya persamaan di antara dua bahasa ini iaitu daripada segi suku kata, sebutan dan juga terdiri daripada dua atau tiga suku kata.

Kajian ini menerapkan kaedah lafaz atau senarai kata. Kaedah ini menurut Asmah Haji Omar (2008) ialah suatu kaedah lafaz atau senarai kata yang memerlukan seorang informan itu untuk menjawab setiap patah kata yang disediakan dalam senarai oleh pengkaji. Misalnya, kaedah ini telah digunakan oleh pengkaji lepas dalam “Struktur frasa Bahasa Orang Asli Duano” oleh Mohamed Suleiman & Nur Hidayah (2015). Pengkaji-pengkaji lepas menggunakan kaedah ini untuk mensahihkan perkataan yang tidak dapat diketahui maknanya melalui senarai kata ini. Oleh hal yang demikian, senarai kata yang hendak ditanya hendaklah disediakan oleh pengkaji terlebih dahulu. Menurut Bert Vaux dan Justin Cooper (1999) menyatakan bahawa senarai kata boleh terdiri daripada domain atau bidang perbendaharaan kata yang menunjukkan perkataan tersebut boleh dirangkumkan semula ke dalam satu kumpulan besar yang dianggotai oleh kata-kata yang lain. Melalui kaedah ini informan akan ditanya dengan satu perkataan dan mereka menyebutnya dalam dialek di asli mereka. Kaedah ini bertujuan menguji penyebutan perkataan yang terdiri daripada suku kata akhir yang berbentuk terbuka dalam dialek Melayu Kelantan dan bahasa Jepun. Kawasan kajian ini merangkumi satu negara sahaja, iaitu negara Malaysia. Dalam kajian ini, pengkaji akan menemu bual responden iaitu pelajar-pelajar daripada negeri Kelantan yang mengambil kursus bahasa Jepun di UKM. Secara rumusnya, kaedah lafaz atau senarai kata ini harus dilakukan untuk memastikan wujudnya penyebutan perkataan yang terdapat fenomena homonim homofon dan homograf mengikut penutur natif dialek Melayu Kelantan. Misalnya, terdapat 55 perkataan yang disyaki mempunyai homonim, homofon dan homograf di antara dialek Melayu dengan bahasa Jepun. Perkataan-perkataan ini disenaraikan oleh pengkaji untuk melihat cara responden menyebut perkataan-perkataan tersebut mengikut penyebutan natif dialek Melayu Kelantan. Setelah selesai membuat rakaman, pengkaji akan mendengar kembali rakaman tersebut dan membuat analisis kontrastif dengan lebih mendalam. Secara ringkasnya, Analisis kontrastif atau linguistik kontrastif merupakan suatu kajian perbandingan tentang dua bahasa atau lebih yang menitik beratkan pada perbezaan atau ketidaksamaan namun tidak menafikan persamaannya. Kesimpulannya, pengkaji akan menggunakan kaedah-kaedah berikut dalam menjalankan kajian ini.

Selain itu, Pengkaji telah menyediakan borang soal selidik untuk diberikan kepada 20 orang responden. Borang soal selidik ini dibuat secara atas talian untuk memudahkan responden memberi respon. Dalam menyenaraikan perkataan yang boleh digolongkan sebagai homonim, homofon dan homograf antara bahasa Jepun dan dialek Melayu Kelantan. Borang soal selidik ini digunakan untuk mendapatkan pandangan pelajar dialek Melayu

Kelantan yang mengambil subjek elektif bahasa Jepun dalam menganalisis makna perkataan yang tergolong sebagai homofon di antara dialek Melayu Kelantan dengan bahasa Jepun. Oleh hal yang demikian, borang soal selidik ini terdiri daripada beberapa aspek utama.

### **3.2 Analisis Data**

Data-data semantik yang diperoleh daripada sesi temubual dirakam dan dimainkan kembali untuk dianalisis oleh pengkaji. Kemudiannya, data-data ini diproses dan ditranskripsikan. Selepas melalui proses-proses tersebut, data tersebut dianalisis serta dibincangkan oleh pengkaji secara terperinci dengan menggunakan kaedah kualitatif. Traskripsi setiap sebutan pelajar penutur natif dialek Melayu Kelantan akan digunakan dalam penganalisan data. Secara ringkasnya, analisis data ini mendapati fenomena yang wujud di antara dialek Melayu Kelantan dan bahasa Jepun ialah homofon sahaja. Menurut Lovinger (2000) homofon, perkataan yang dieja berbeza tetapi sebutan sama. Oleh hal yang demikian, homofon boleh disimpulkan sebagai perkataan yang mempunyai makna yang berbeza, ejaan yang berbeza tetapi sebutan yang sama.

Selain itu, data yang diperoleh daripada borang soal selidik turut digunakan dalam proses penganalisan data. Beberapa jadual dan graf yang berkaitan akan digunakan dalam penganalisan data. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji akan menunjukkan makna setiap perkataan DMK yang ditunjukkan dalam kajian ini. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan menganalisis maklum balas melalui borang soal selidik ini yang diberi oleh para responden. Sampel-sampel soal selidik ini akan dikaji secara kuantitatif, Hal ini akan mengukuhkan dan membuktikan pengkaji mengenai wujudnya pengaruh bahasa pertama dalam proses pembelajaran kepada bahasa kedua ini.

Dalam kajian ini teori analisis kontrastif digunakan oleh pengkaji. Menurut Moeliono (1988) menjelaskan bahawa analisis adalah penguraian suatu pokok atas berbagai bahagiannya dan penelaahan bahagian itu sendiri serta hubungan antara bahagian untuk memperoleh pengertian yang tepat dan pemahaman erti keseluruhan. Manakala kontrastif pula bermaksud suatu perbezaan atau pertentangan antara dua perkara. Menurut beliau perbezaan inilah yang menarik untuk dibicarakan, diteliti dan difahami. Menurut Fisiak (1992) pula menyatakan bahawa analisis kontrastif merupakan subdisiplin dalam bidang linguistik yang menumpukan kepada aspek perbandingan secara sistematik ciri-ciri linguistik tertentu ke atas dua bahasa atau lebih dengan tujuan untuk melihat perbezaan dan persamaan antara kedua-duanya. Bukan setakat itu sahaja, menurut James (1998) menyatakan bahawa analisis kontrastif ialah analisis yang digunakan untuk mencari sesuatu perbezaan yang sering membuat pelajar bahasa kedua mengalami kesulitan untuk memahami dan menguasai bahasa tersebut. Oleh yang demikian, dengan wujudnya analisis kontrastif ini diharapkan pelajar dapat memahami bahasa kedua atau bahasa asing dengan lebih baik. Berdasarkan definisi-definisi tersebut, analisis kontrastif boleh dikatakan sebagai ilmu bahasa yang digunakan untuk membandingkan dua bahasa atau lebih untuk memperoleh persamaan atau pun perbedaannya. Dialek Melayu Kelantan dan bahasa Jepun mempunyai perbezaan pada ciri dan strukturnya. Dalam mengetahui struktur kedua-dua bahasa ini ini, analisis ini dapat digunakan untuk membandingkan bahasa tersebut berdasarkan kata, jumlah dan persona.

## **4. Dapatan dan Perbincangan**

Pengkaji mendapati 55 perkataan dialek Melayu Kelantan yang mempunyai fenomena homofon dengan perkataan dalam bahasa Jepun. Menurut Lovinger (2000) fenomena homofon merujuk kepada perkataan yang dieja berbeza tetapi sebutan sama. Secara ringkasnya, homofon merupakan perkataan yang mempunyai makna yang berbeza, ejaan



yang berbeza tetapi sebutan yang sama. Di samping itu, untuk membuktikan bahawa fenomena ini wujud antara dialek Melayu dengan bahasa asing ini. Pengkaji telah menyenaraikan perkataan-perkataan yang terlibat sekaligus menghuraikan definisi setiap perkataan berdasarkan soal selidik yang telah dibuat.

#### ***4.1 Perkataan-perkataan Dialek Melayu Kelantan yang mempunyai fenomena homofon dalam perbendaharaan kata bahasa Jepun.***

Hasil daripada sesi tem bual bersama 3 responden menunjukkan wujudnya fenomena homofon di antara DMK dan BJ. Oleh hal yang demikian, 55 perkataan dialek Melayu Kelantan telah direkodkan dalam kajian ini.

##### ***4.1.1 Perkataan dialek Melayu Kelantan yang terlibat***

JADUAL 1. Perkataan Dialek Melayu Kelantan yang terlibat

<b>Dialek Melayu Kelantan</b>	<b>Golongan Kata</b>	<b>Makna</b>
make	KN	makan
same	KK	saman
mu	KN	kamu
sete	KN	syaitan
ame	KA	aman
kume	KN	kuman
tame	KN	taman
sumi	KN	jeli
te	KK	pukul, teh
meme	KT	memang
ime	KA	iman
omo	KN	umur
ore	KN	ore
gata	KA	gatal

---

saji	KN	salji
aka	KN	akar
kotʃi	KN	kunci, kuaci
kutʃi	KN	kunci
ike	KN	ikan
ake	KT	akan
toke	KN	tauke
kane	KN	kanan
tane	KK	tanam
baka	KK	bakar
naka	KA	kelakar
suke	KN	sukan
mede	KN	medan
ute	KN	hutang
demo	KN	kamu
samo	KA	sama
sumo	KN	semua
kito	KN	kita
seko	KN	seekor
eko	KN	ekor
gomo	KK	gaduh
kato	KK	kata

---

---

hato	KN	harta
date	KK	datang
ude	KN	udang
sake	KA	sakan
made	KN	medan
nuke	KN	tukang
buke	KT	bukan
kubo	KN	kubur
rama	KN	ramai
supo	KA	serupa
koto	KA	kotor
kasa	KA	kasar
maso	KN	masa
koya	KA	berlagak
mase	KA	masam
gaga	KA	gagal
ado	KT	ada
mato	KN	mata
ko	KT	ke

---

Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka & Hasil Soal selidik

#### ***4.1.1 Perkataan dialek Melayu Kelantan yang terlibat***

JADUAL 2. Perkataan Bahasa Jepun yang terlibat

Bahasa Jepun	Romaji	Golongan Kata	Makna
まけ	make	KA	kalah
さめ	same	KN	ikan jerung
む	mu	KN	tiada
せて	sete	KT	telah diberikan kebenaran
あめ	ame	KN	hujan
あめ	kume	KK	tuang
くめ	tame	KT	untuk
ため	sumi	KT	sudut
すみ	te	KN	tangan
て	meme	KN	biji padi sekam
めめ	ime	KK	elak
いめ	omo	KA	utama
おも	ore	KN	saya
おれ	gata	KT	model, jenis
がた	saji	KN	sudu
がた	aka	KA	merah
さじ	kojji	KT	sini
あか	kujji	KN	mulut
こっち	ike	KK	pergi
くち	ake	KN	fajar
くち	toke	KK	selesaikan

いけ	kane	KN	wang
あけ	tane	KN	biji benih
とけ	baka	KA	bodoh
かね	naka	KT	dalam
たね	suke	KN	imam, sami
ばか	mede	KA	kebahagiaan
なか	ute	KK	tembak
すけ	demo	KT	tetapi
めで	samo	KT	juga
め	sumo	KN	perlawanan gusti cara jepun
うて	kito	KN	rancangan
でも	seko	KN	pemukul
さも	eko	KN	eco
すも	gomo	KA	berbulu
きと	kato	KN	berudu
せこ	hato	KN	merpati
えこ	date	KA	anggun
ごも	ude	KN	lengan
かと	sake	KN	arak
はと	made	KT	sehingga
	nuke	KN	peninggalan
	buke	KN	samurai

---

だて	kubo	KN	rongga
うで	rama	KN	llama
さけ	supo	KN	sukan
まで	koto	KN	perkara
ぬけ	kasa	KN	payung
ぶけ	maso	KN	dewi laut Cina
くぼ	koya	KN	pondok
ラマ	mase	KN	pagar
スポ	gaga	KA	lasak
こと	ado	KN	deuteragonis
かさ	mato	KN	sasaran
まさ	ko	KN	Kanak-kanak
こや			
ませ			
がが			
あど			
まと			
こ			

---

Sumber: Japanese-English Dictionary

## 4.2 Hasil daripada Analisis

Selepas menyenaraikan setiap perkataan dialek Melayu Kelantan dan Bahasa Jepun yang diperoleh daripada sesi temu bual bersama 3 orang responden. Pengkaji mendapati wujudnya fenomena homofon bagi setiap perkataan di atas. Menurut Lovinger (2000) fenomena homofon merujuk kepada perkataan yang dieja berbeza tetapi sebutan sama. Secara ringkasnya, homofon merupakan perkataan yang mempunyai makna yang berbeza, ejaan yang berbeza tetapi sebutan yang sama.

### 4.2.1 Fenomena Homofon di antara dialek Melayu Kelantan dan bahasa Jepun

JADUAL 3. Homofon Dialek Melayu Kelantan-Bahasa Jepun

DMK	Golongan Kata	Makna	Bahasa Jepun	Romaji	Golongan kata	Makna
make	KN	makan	まけ	make	KA	kalah
same	KK	saman	さめ	same	KN	ikan jerung
mu	KN	kamu	む	mu	KN	tiada
sete	KN	syaitan	せて	sete	KT	telah diberikan kebenaran
ame	KA	aman		ame	KN	hujan
kume	KN	kuman	あめ	kume	KK	tuang
tame	KN	taman	くめ	tame	KT	untuk
sumi	KN	jeli	ため	sumi	KT	sudut
te	KK	pukul, teh	すみ	te	KN	tangan
meme	KT	memang	て	meme	KN	biji padi sekam
ime	KA	iman	めめ	ime	KK	elak
omo	KN	umur		omo	KA	utama
						saya

ore	KN	ore	いめ	ore	KN	model, jenis
gata	KA	gatal	おも	gata	KT	sudu
saji	KN	salji	おれ	saji	KN	merah
aka	KN	akar	がた	aka	KA	sini
kotji	KN	kunci, kuaci	がた	kotji	KT	mulut
kutji	KN	kunci	さじ	kutji	KN	pergi
ike	KN	ikan	あか	ike	KK	fajar
ake	KT	akan	こち	ake	KN	selesaikan
toke	KN	tauke	くち	toke	KK	wang
kane	KN	kanan	いけ	kane	KN	biji benih
tane	KK	tanam	あけ	tane	KN	bodoh
baka	KK	bakar	とけ	baka	KA	dalam
naka	KA	kelakar	かね	naka	KT	imam, sami
suke	KN	sukan	たね	suke	KN	kebahagiaan
mede	KN	medan	ばか	mede	KA	tembak
ute	KN	hutang	なか	ute	KK	tetapi
demo	KN	kamu	すけ	demo	KT	juga
samo	KA	sama	めで	samo	KT	perlawanan gusti cara jepun
sumo	KN	semua	め	sumo	KN	rancangan
kito	KN	kita	うて	kito	KN	pemukul
seko	KN	seekor	でも	seko	KN	eco
						berbulu



eko	KN	ekor	さも	eko	KN	berudu
gomo	KK	gaduh	すも	gomo	KA	merpati
kato	KK	kata		kato	KN	anggun
hato	KN	harta	きと	hato	KN	lengan
date	KK	datang	せこ	date	KA	arak
ude	KN	udang	えこ	ude	KN	sehingga
sake	KA	sakan	ごも	sake	KN	peninggalan
made	KN	medan	かと	made	KT	samurai
nuke	KN	tukang	はと	nuke	KN	rongga
buke	KT	bukan	だて	buke	KN	llama
kubo	KN	kubur	うで	kubo	KN	sukan
rama	KN	ramai	さげ	rama	KN	perkara
supo	KA	serupa	まで	supo	KN	payung
koto	KA	kotor	ぬけ	koto	KN	dewi laut Cina
kasa	KA	kasar	ぶけ	kasa	KN	pondok
maso	KN	masa	くぼ	maso	KN	pagar
koya	KA	berlagak	ラム	koya	KN	lasak
mase	KA	masam	スポ	mase	KN	deuteragonis
gaga	KA	gagal	こと	gaga	KA	sasaran
ado	KT	ada		ado	KN	Kanak-kanak
mato	KN	mata		mato	KN	
ko	KT	ke		ko	KN	

かさ

まそ

こや

ませ

がが

あど

まと

こ


---

Sumber: Dapatan Kajian

#### 4.2.2 Hasil Dapatan Borang Soal Selidik

Pengkaji telah menjalankan borang soal selidik untuk melihat bagaimana analisis homofon, homonim dan homograf di kalangan pelajar-pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia. Sebanyak 20 responden telah dijadikan data dalam borang soal selidik ini. Mereka dikehendaki untuk memberikan definisi setiap perkataan yang dikemukakan oleh pengkaji. Bukan setakat itu sahaja, pada akhir borang soal selidik responden dinilai sama ada mereka sedar setiap perkataan dialek Melayu Kelantan mempunyai persamaan dengan perkataan dalam bahasa Jepun. Kemudian, mereka harus menyatakan 5 perkataan dialek Melayu Kelantan berdasarkan pengetahuan yang mempunyai persamaan dengan bahasa Jepun.

RAJAH 1. Hasil Dapatan Borang Soal Selidik



Sumber: Dapatan Kajian

Rajah 1 menunjukkan kekerapan perkataan dialek Melayu Kelantan yang menunjukkan fenomena homofon dengan bahasa Jepun. Pengkaji telah meminta 20 responden yang mempelajari bahasa Jepun ini pada akhir borang soal selidik untuk menyatakan 5 perkataan DMK yang mempunyai persamaan dengan bahasa Jepun. Berdasarkan carta di atas, kekerapan yang paling tinggi adalah perkataan *kutji* yang bermaksud *kunci* dalam DMK tetapi membawa makna *mulut* dalam bahasa Jepun. Sebanyak 16 maklum balas diperoleh daripada responden. Selain itu, bagi perkataan yang mendapat kekerapan dalam carta di atas ialah *sake*, *matu*, *naka*, *make*. Perkataan-perkataan ini berkongsi kekerapan yang paling rendah iaitu 1% sahaja. Secara kesimpulannya, responden-responden yang berasal daripada Kelantan ini selepas memberi definisi. Mereka mendapati perkataan-perkataan ini sama dengan bahasa Jepun.

### 4.3 Perbincangan

Berdasarkan hasil dapatan ini, fenomena homofon dapat dilihat wujud di antara dialek Melayu Kelantan dan bahasa Jepun. Sebanyak 55 perkataan DMK melalui sesi temu bual bersama 3 orang responden didapati mempunyai fenomena ini. Pengkaji mendapati fenomena homofon ini wujud kerana dialek Melayu Kelantan dan bahasa Jepun mempunyai banyak persamaan daripada segi suku kata, sebutan dan juga terdiri daripada dua atau tiga suku kata. Tambahan pula, pengkaji juga mengumpulkan data daripada borang soal selidik. 20 orang responden memberi maklum balas borang soal selidik ini. Responden penutur natif dialek Melayu Kelantan ini mendapati kebanyakan perkataan yang ditunjukkan dalam borang soal selidik sedar bahawa perkataan-perkataan ini mempunyai persamaan dengan bahasa Jepun. Hal ini menunjukkan bahawa fenomena homofon ini sememangnya wujud.

## 5. Rumusan dan Cadangan

Kesimpulannya, melalui kajian ini fenomena homofon, homonim dan homograf ini wujud dan wajar dikaji. Hasil dapatan kajian menunjukkan persamaan yang wujud di antara dua bahasa asing atau dialek dan bahasa asing boleh mewujudkan fenomena ini. Hal ini dibuktikan lagi dengan kajian ini, persamaan yang wujud antara dialek dengan bahasa ini membuktikan terdapatnya fenomena homofon. Menurut Lovinger (2000) homofon, perkataan yang dieja berbeza tetapi sebutan sama. Secara ringkasnya, homofon merupakan perkataan yang mempunyai makna yang berbeza, ejaan yang berbeza tetapi sebutan yang sama. Oleh hal yang demikian, Kajian semantik dalam kalangan pelajar universiti awam Malaysia berkaitan pengaruh bahasa pertama dalam proses pembelajaran bahasa kedua ini amatlah menarik. Hal ini dikatakan demikian kerana secara tidak sedar, wujudnya persamaan antara dialek Melayu Kelantan dan bahasa Jepun walaupun kedua-duanya tidak mempunyai hubungan kerana merupakan bahasa dalam rumpun yang berbeza.

Selain itu, Kajian ini dicadangkan untuk dimanfaatkan oleh pengkaji yang ingin membuat kajian berkaitan dialek Kelantan dan bahasa Jepun pada masa akan datang serta menjadi rujukan buat pihak perancang bahasa, guru, pengamal bahasa dan pengguna bahasa. Tambahan pula, kajian ini dapat juga digunakan oleh ahli linguistik yang lain untuk menilai perbandingan antara dialek Melayu Kelantan dan bahasa Jepun. Tambahan pula, penyelidikan ini dapat digunakan sebagai rujukan dalam proses pengajaran bahasa Jepun kepada penutur natif dialek Melayu Kelantan. Hal ini dikatakan demikian kerana data yang diperoleh boleh digunakan oleh pengajar supaya tidak berlakunya kekeliruan dalam proses pembelajaran. Bukan setakat itu sahaja, kajian ini dapat membuka ruang kepada penutur natif bahasa Jepun untuk belajar dialek Melayu Kelantan dengan lebih mudah. Hal ini akan memberi nafas baru dalam proses pembelajaran bahasa asing di Malaysia.

## Rujukan

- Abdul Hamid Mahmood. (1994). *Sintaksis Dialek Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ajid Che Kob. (2008). Subklasifikasi Dialek Melayu Patani-Kelantan-Terengganu: Satu Analisis Kualitatif. *Jurnal Melayu*, 3, 57-68.
- Asmah Haji Omar. (1985). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dayang Sariah Abang Suhai & Mary Fatimah Haji Subet. (2012). Homonim Antara Dialek Melayu Sarawak Dan Bahasa Melanau.
- Eva D. Poort & M. Rodd, (2022), Cross-lingual priming of cognates and interlingual homographs from L2 to L1.
- Ibrahim Talaat Ibrahim. (2021). *The Study of the Phenomenon of Homophone Between English and Kurdish Languages: A Comparative Study*.
- Irma Winingsih. (2010). *Analisis Sistem Fonologi Kosa Kata Benda Bahasa Jepang*.
- Kai-Chee Lam, Nur Athirah Binti Suib, Foo-Terng Hoe, & Sheau-Ping Wee. (2020). Faktor Pemilihan Kursus Bahasa Cina Dan Bahasa Jepun: Satu Kajian Perbandingan: Factors on Choosing Chinese and Japanese: A Comparative Study. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*, 31(1). <https://doi.org/10.51200/manu.v31i1.2096>
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Misdawati. (2019). *Analisis Kontrastif dalam Pembelajaran Bahasa*.
- Mohamed Suleiman & Nur Hidayah (2015) *Struktur frasa Bahasa Orang Asli Duano*. Undergraduates thesis, University of Malaya.

- Muslihah. (2018). Proses Penyerapan Bahasa Inggris Ke Dalam Bahasa Jepang: (Kajian Fonologi Generatif Transformasional).
- Nik Safiah Karim & Rozita Che Rodi. (2016). Bahasa Melayu Kelantan: Menggali ilmu menyusur warisan. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Nik Safiah Karim. (1965). Loghat Melayu Kelantan. Tesis Sarjana. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Normalis Amzah & Kerry Lee Siow Ping. (2018). Pemahaman Terhadap Choo-On Dalam Kalangan Pelajar Cina Yang Mengambil Bahasa Jepun Di Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Faten Shahirah Mohd Razali, Radina Mohamad Deli, & Muhammad Zaid Daud. (2018). Asas Fonem Konsonan Dialek Melayu Kelantan (Subdialek Pasir Mas, Kelantan). *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(2).
- Nur Faten Shahirah, Mohd Razali, Radina Mohamad Deli & Muhammad Zaid Daud, (2019). Penelitian dini dialek melayu kelantan (subdialek pasir mas, kelantan): fonem vokal.
- Nurliayana Zainal Abidin & Adi Yasran Abdul Aziz. (2016). Perbandingan inventori vokal Dialek Kelantan dan Negeri Sembilan. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 4 (2).
- Pei, Mario A, & Frank Gaynor. (1954). *A dictionary of linguistics*. New York: Philosophical Library.
- Riduan Makhtar & Abdul Ganing Lengkang. (2018). Keunikan Dialek Sungai Nenggiri, Kelantan: Satu Analisis Struktural. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan* 13(3): 261
- Riduan Makhtar, Ain Atiqah Latiff, Nur Ezzati Nabilah Badaruddin, & Mohd. Firdaus Azharuddin, (2021). Perbandingan Dialek Melayu Kelantan Dan Dialek Melayu Terengganu. *Jurnal Melayu*, 20 (2). pp. 329-345. ISSN 1675-7513.
- Nur, Tajudin. (2016). Analisis Kontrastif dalam Studi Bahasa. *Arabi: Journal of Arabic Studies*. vol. 1 no. 2.